

**Embargo: Hanya boleh diterbitkan atau disebarluaskan mulai jam 1200, Rabu, 27 Mac 2024**



KEMENTERIAN EKONOMI  
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

**KENYATAAN MEDIA**  
**BAGI INDEKS PERDAGANGAN LUAR NEGERI,**  
**MALAYSIA, FEBRUARI 2024**

---

**Harga eksport dan import Malaysia kembali kepada trend positif pada Februari 2024, indeks nilai seunit eksport meningkat 1.0 peratus dan import 1.1 peratus.**

**PUTRAJAYA, 27 MAC 2024** – Harga eksport Malaysia pada Februari 2024, meningkat 0.1 peratus daripada 147.2 mata pada bulan sebelumnya kepada 147.3 mata. Begitu juga, harga import naik 1.1 peratus daripada 128.5 mata kepada 129.9 mata manakala terma perdagangan Malaysia merosot 1.0 peratus bulan ke bulan kepada 113.4 mata pada Februari 2024, sebagaimana dipaparkan oleh laporan **INDEKS PERDAGANGAN LUAR NEGERI (2010=100), Februari 2024** pada hari ini. Penerbitan ini memaparkan statistik indeks nilai seunit, indeks volum dan terma perdagangan meliputi 10 seksyen komoditi produk barang selaras dengan Klasifikasi Standard Perdagangan Antarabangsa (SITC).

Ketua Perangkawan Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin berkata, “Indeks nilai seunit eksport naik 0.1 peratus pada Februari 2024 berbanding bulan sebelumnya, disumbangkan oleh kenaikan indeks bahan kimia (+1.0%), pelbagai barang keluaran kilang (+0.7%) dan alat jentera & kelengkapan pengangkutan (+0.7%). Namun begitu, indeks volum eksport jatuh 9.1 peratus selaras dengan kejatuhan indeks minyak & lemak

binatang & sayur-sayuran (-21.9%), minyak galian (-9.8%) dan alat jentera & kelengkapan pengangkutan (-9.2%). Indeks volum eksport pelarasan bermusim turut menguncup 4.1 peratus daripada 163.5 mata kepada 156.8 mata. Merujuk kepada perbandingan tahunan, indeks nilai seunit bertambah 4.3 peratus manakala indeks volum berkurang 5.0 peratus.”

Indeks nilai seunit import bertambah 1.1 peratus pada Februari 2024, disumbangkan oleh peningkatan indeks minyak galian (+2.0%), alat jentera & kelengkapan pengangkutan (+1.7%) dan pelbagai barang keluaran kilang (+0.3%). Sementara itu, indeks volum import jatuh 11.4 peratus pada Februari 2024 berbanding bulan sebelum, disumbangkan oleh kejatuhan dalam indeks makanan (-26.7%), barang-barang keluaran kilang (-19.3%) dan alat jentera & kelengkapan pengangkutan (-11.8%). Indeks volum import pelarasan bermusim susut 6.5 peratus daripada 208.0 mata kepada 194.4 mata. Perbandingan tahun ke tahun menunjukkan indeks nilai seunit dan indeks volum import masing-masing berkembang 0.9 peratus dan 7.4 peratus.

Di samping itu, terma perdagangan Malaysia merosot 1.0 peratus bulan ke bulan kepada 113.4 mata pada Februari 2024, didorong oleh penurunan indeks minyak galian (-5.1%), alat jentera & kelengkapan pengangkutan (-1.0%) dan minyak & lemak binatang & sayur-sayuran (-0.8%). Terma perdagangan Malaysia tahun ke tahun naik 3.4 peratus daripada 109.7 mata pada Februari tahun lalu.


Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) telah melancarkan OpenDOSM NextGen sebagai medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.

DOSM akan menjalankan Banci Pertanian pada tahun 2024. Mohon layari <https://www.myagricensus.gov.my/> untuk maklumat lanjut. Tema adalah “Banci Pertanian, Kunci Kemajuan Pertanian.”

Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan Hari Statistik Negara (MyStats Day) pada 20 Oktober setiap tahun. Tema sambutan MyStats Day adalah “Statistik Nadi Kehidupan”.

Pangkalan Data Utama (PADU) telah diluncurkan pada 2 Januari 2024. PADU mengandungi profil individu dan isi rumah meliputi warganegara dan pemastautin tetap di Malaysia. Matlamat utama PADU untuk memastikan rakyat Malaysia tidak tercincir daripada setiap inisiatif berpaksikan rakyat yang dilaksanakan oleh Kerajaan. Dimohon kerjasama untuk mendaftar dan mengemaskini PADU sebelum atau pada 31 Mac 2024. Sila layari <https://www.padu.gov.my> bagi maklumat lanjut berkaitan PADU atau menghubungi talian hotline berikut:

- i) Jabatan Perangkaan Malaysia : 1-800-88-7720 / 1-800-88-7721
- ii) Pertanyaan secara online melalui SISPAA: <https://padu.spab.gov.my>.



**Carta 1: Peratus Perubahan Bulan ke Bulan bagi Indeks Nilai Seunit Eksport & Import**  
**Januari 2022 – Februari 2024**

Dikeluarkan oleh:

**PEJABAT KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA  
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA  
27 MAC 2024**

**Embargo: Only to be published or disseminated at 1200 hour, Wednesday, March 27<sup>th</sup> 2024**



MINISTRY OF ECONOMY  
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

**MEDIA STATEMENT  
FOR EXTERNAL TRADE INDICES, MALAYSIA,  
FEBRUARY 2024**

---

***Malaysia's export and import prices returned to a positive trend in February 2024, export unit value index increased by 0.1 per cent and imports by 1.1 per cent.***

**PUTRAJAYA, MARCH 27, 2024** – Malaysia's export prices in February 2024 rose by 0.1 per cent from 147.2 points in the previous month to 147.3 points. Likewise, import prices increased by 1.1 per cent from 128.5 points to 129.9 points while Malaysia's terms of trade decreased by 1.0 per cent month-on-month to 113.4 points in February 2024 as reported today in **EXTERNAL TRADE INDICES (2010=100), February 2024**. This publication presents the unit value index, volume index and terms of trade for 10 commodity sections of merchandise products in accordance with the Standard International Trade Classification (SITC).

Chief Statistician Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin said, "The export unit value index went up by 0.1 per cent in February 2024 as compared to the previous month, led by the increase in the index of chemicals (+1.0%), miscellaneous manufactured articles (+0.7%) and machinery & transport equipment (+0.7%). However, the export volume index went down by 9.1 per cent in line with the decrease in the index of animal & vegetable oils & fats (-21.9%), mineral fuels (-9.8%) and machinery & transport equipment (-9.2%). The seasonally adjusted export volume index also fell by 4.1 per cent from 163.5 points to 156.8 points. Concerning the annual comparison, the unit value index increased 4.3 per cent while volume index decreased by 5.0 per cent."

*The import unit value index rose by 1.1 per cent in February 2024, contributed by the increase in the index of mineral fuels (+2.0%), machinery & transport equipment (+1.7%) and miscellaneous manufactured articles (+0.3%). Meanwhile, the import volume index decreased by 11.4 per cent in February 2024 as compared to the previous month, attributed from the decrement in the index of food (-26.7%), manufactured good (-19.3%) and machinery & transport equipment (-11.8%). The seasonally adjusted import volume index edged down by 6.5 per cent from 208.0 points to 194.4 points. Year-on-year comparison showed that the import unit value index and volume index rose by 0.9 per cent and 7.4 per cent, respectively.*

*In addition, Malaysia's terms of trade slipped by 1.0 per cent month-on-month to 113.4 points in February 2024, driven by the decrement in the index of mineral fuels (-5.1%), machinery & transport equipment (-1.0%) and animal & vegetable oils & fats (-0.8%). Malaysia's terms of trade grew by 3.4 per cent year-on-year from 109.7 points in February of the previous year.*


*The Department of Statistics Malaysia (DOSM) has launched OpenDOSM NextGen as a medium that provides a catalog of data and visualisations to facilitate users' in analysis various data an can be accessed through <https://open.dosm.gov.my>.*

*DOSM will conduct the Agricultural Census in 2024. Please visit <https://www.myagricensus.gov.my/> for more information. The theme is "Agriculture Census, Key to Agricultural Development."*

*The Government of Malaysia has declared National Statistics Day (MyStats Day) on October 20th each year. MyStats Day theme is "Statistics is the Essence of Life".*

The Central Database (PADU) was launched on 2 January 2024. PADU contains individual and household profiles covering citizens and permanent residents of Malaysia. The main goal of PADU is to ensure that Malaysian are not left behind from citizen centric initiatives implemented by the Government. Your kind cooperation is requested to register and update PADU by 31 March 2024. Please visit <https://www.padu.gov.my> for more information related to PADU or contact the following hotlines:

- i) Department of Statistics Malaysia : 1-800-88-7720 /1-800-88-7721
- ii) Online Enquiries through SISPAA: <https://padu.spab.gov.my>



**Chart 1: Month-on-Month Percentage Change of Export & Import Unit Value Indices**

**January 2022 – February 2024**

Released by:

**THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA  
DEPARTMENT OF STATISTICS, MALAYSIA  
27 MARCH 2024**